

# Majlis Pelancaran PALAPES, PBSMM Dan PBK KUKUM



**Program-program** yang melibatkan pelajar perlu diperhebatkan dan dimantapkan dari masa ke semasa dalam menangani masalah disiplin di kalangan generasi tersebut, titah Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Syed Sirajuddin Jamalullail, Canselor KUKUM ketika merasmikan Majlis Pelancaran Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) Cabang KUKUM dan Pasukan Bertindak Kecemasan (PBK) KUKUM pada 3 Mac 2005 lalu di Kampus KUKUM Kubang Gajah, Arau, Perlis.

Baginda bertitah, kecemerlangan pendidikan dan pelajar tidak harus berfokus kepada keputusan peperiksaan semata-mata. Pembentukan watak dan sahsiah pelajar seharusnya diberi perhatian oleh ibu bapa dan para pendidik supaya mereka bukan sahaja berjaya dalam bidang pendidikan tetapi juga berjiwa mulia dan beradap sopan. Dengan adanya sifat sebegini generasi muda masa hadapan dapat memperjuangkan kelangsungan hidup 'Anak Malaysia' yang dinamik dan progresif sejajar dengan hasrat kerajaan untuk membina bangsa dan negara Malaysia yang Cemerlang, Gemilang dan Terbilang.

"Saya amat memuji usaha KUKUM dengan menubuhkan pasukan PALAPES, PBSMM dan PBK ini. Inisiatif seperti ini menggambarkan bahawa KUKUM amat serius dan prihatin dalam tindakan untuk menyemai dan menerapkan sifat berdisiplin dan bertanggungjawab dalam pembangunan insan di kalangan warganya."

"Dalam pendekatan kita untuk membentuk dan melahirkan graduan dan tenaga manusia yang berwibawa, aspek perubahan dan pembangunan insan membawa kepada ketamadunan hendaklah berlandaskan sistem nilai yang baik dan bermanfaat. Sistem ini tidak boleh bercanggah dengan syariah serta tidak boleh bersifat paksaan kepada nilai baik yang diamalkan oleh masyarakat lain," tegas baginda.

Sementara itu Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM berkata, penubuhan pasukan PALAPES dengan kerjasama Kementerian Pertahanan Malaysia adalah dari buah fikiran DYMM Tuanku Faizuddin sendiri. Ia ditubuhkan bagi membina sahsiah penuntut sebagai mahasiswa-mahasiswi dan pemimpin yang berilmu, beriman, berdisiplin serta gagah

setia selain mewujudkan satu barisan pegawai simpanan bagi menguatkan benteng pertahanan dan keselamatan negara dari segala ancaman.

Penubuhan PBSMM KUKUM pula adalah bermatlamat untuk mewujudkan satu persatuan yang boleh memberikan khidmat sukarela kepada masyarakat khususnya di negeri Perlis ini. Bagi penubuhan PBK pula ia ditubuhkan di atas kesedaran untuk memberi bantuan permulaan atau awal sekiranya berlaku sesuatu bencana di KUKUM mahupun di luar.

Majlis perasmian PALAPES, PBSMM dan PBK KUKUM itu juga turut dihadiri oleh Y.A.B Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis, Y.B Dato' Haji Zainal Abidin Zin, Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia dan Y. Bhg. Mejar Jeneral Dato' Ahmad Rodi Zakaria, Panglima Latihan Tentera Darat serta Y. Bhg. Tuan Haji Wan Azhar Wan Mohd Ali, Naib Pengerusi Kebangsaan PBSMM.

